

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 8 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 3

BI RABU, 8 JANUARI 2020

Nasional

NHC guna pakai model perumahan Singapura

Pelaksanaan tidak ikut 100 peratus, guna cara tersendiri penuhi pasaran tempatan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menubuhkan Perbadanan Perumahan Negara (NHC) bagi menyelaras semua projek perumahan mampu milik dibangunkan kerajaan di seluruh negara, termasuk Perumahan Rakyat Malaysia (PR1MA).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata NHC yang dijangka ditubuhkan tahun depan, akan menyelaras semua projek perumahan mampu milik berdasarkan model yang diguna pakai Lembaga Pembangunan Perumahan (HDB) di Singapura.

"Selepas dilantik menerajui Kementerian ini, saya ada bertemu wakil Kerajaan Singapura. Apa yang saya boleh katakan, kita menuju ke arah itu (selaras semua projek perumahan mampu milik).

"Ia mungkin tidak 100 peratus seperti yang dilaksanakan Singapura melalui HDB kerana kita perlu ada cara tersendiri untuk Malaysia bagi memenuhi pasaran tempatan," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Pada Oktober lalu, Persatuan

Penilai, Pengurus Harta, Ejen Harta dan Perunding Harta Swasta Malaysia (PEPS) mencadangkan kerajaan menubuhkan perbadanan perumahan mampu milik kebangsaan bagi merancang, menyelaras dan melaksanakan pelan tindakan serta cadangan perumahan mampu milik di seluruh negara.

Langkah itu bagi mengurangkan kos tanah dan perbelanjaan pembinaan dalam usaha menyelesaikan isu kemampuan membeli rumah yang dianggap 'sangat tidak mampu milik' berdasarkan piawai antarabangsa disebabkan pendapatan isi rumah tidak seiring kenaikan harga rumah.

Pengarah Jabatan Pemantauan dan Pengawasan Kewangan Bank Negara Malaysia (BNM), Qaiser Iskandar Anwarudin pada 24 Oktober lalu pula dipetik berkata, kebanyakan rakyat Malaysia tidak mampu membeli rumah baharu kerana harganya di luar kemampuan kewangan mereka.

Sementara itu, Zuraida memaklumkan, hampir 200,000 unit rumah mampu milik sudah, sedang dan akan dibina dalam tempoh Julai 2018 hingga 31 Disember 2019.

Daripada keseluruhan 183,021 unit rumah itu, katanya, 20,884 adalah kediaman sudah siap, 73,701 dalam pembinaan dan 88,436 di peringkat perancangan.

Katanya, 68,829 unit rumah dibangunkan melalui projek Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB), 44,255 unit (PR1MA), 27,605 (Rumah Malaysia), 37,884 (Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia) dan 4,448 (Transit Belia).



Model HDB Singapura

- » Perumahan awam di Singapura dirujuk sebagai Flat HDB
- » HDB bina, urus perumahan awam untuk rakyat Singapura
- » 80 peratus rakyat Singapura tinggal di perumahan awam HDB
- » Harga seunit Flat HDB bergantung kepada lokasi, saiz
- » Harga purata rumah 3 bilik, 1 stor/bilik kebal antara RM250,000-RM400,000
- » Keutamaan kepada pasangan berkahwin tiada rumah
- » Setiap keluarga hanya boleh beli/miliki satu unit Flat HDB
- » Flat HDB didirikan sebagai komuniti satelit, lengkap kemudahan asas
- » Dalam satu komuniti Flat HDB, disediakan sekolah, kemudahan sukan dan riadah, kedai runcit, pusat ibadat, medan selera, kemudahan lain.
- » Tiada rumah aras paling bawah, sebaliknya 'void space' atau kolong dijadikan ruang komuniti

Berdasarkan jumlah berkenaan, beliau yakin sasaran untuk mewujudkan satu juta rumah dalam tempoh 10 tahun seperti terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan (PH) positif untuk dicapai.

Mengenai Kempen Pemilikan Rumah (HOC) bermula Mac hingga 31 Disember lalu, Zuraida menjelaskan, ia berjaya menca-

pai sasaran dengan penjualan 31,415 unit rumah dengan nilai jualan selepas diskaun ialah RM19.8 bilion.

"HOC ternyata membantu mengurangkan unit rumah yang tidak terjual oleh pemaju termasuk pemaju swasta, manakala penjualan rumah dibangunkan oleh PR1MA dan SPNB juga meningkat," katanya.